



**BORANG PENYERTAAN EKSPEDISI ANJURAN  
KELAB PERKHIDMATAN AWAM**

<b>MAKLUMAT PERIBADI</b>					
Nama:				No Ahli KPA:	
Alamat:			Gender:	Lelaki	Perempuan
No KPP:		Tarikh Lahir:		Emel:	
No Tel Pejabat:		No Tel Rumah:		No Tel Bimbit:	Lain-Lain:
<b>MAKLUMAT WARIS</b>					
Nama:			Hubungan:		
Alamat:			No Tel:		
<b>PENGAKUAN PESERTA</b>					
<p>Dengan menyerahkan borang penyertaan ini di dalam ..... (nama ekspedisi/aktiviti), saya mengaku dan mengisytiharkan bahawa saya sihat dari segi fizikal dan mental untuk menyertai ekspedisi yang dianjurkan.</p> <p>Saya memahami bahawa semasa ekspedisi berlangsung, saya akan terdedah kepada keadaan cuaca dan fizikal mukabumi yang tidak menentu seperti ketinggian altitud, laluan berisiko, peralihan cuaca dan perbezaan sekitaran kehidupan.</p> <p>Saya mengetahui bahawa aktiviti mendaki ini adalah ekstrim yang terdedah kepada risiko kecederaan atau kematian dan dengan menandatangani borang penyertaan ini, saya bersetuju bahawa penganjur, petugas aktiviti dan penyedia perkhidmatan sokongan lain tidak akan dipertanggungjawabkan di atas kecederaan atau kematian yang berlaku sebelum, semasa atau selepas ekspedisi.</p> <p>Berdasarkan pertimbangan sekiranya penyertaan saya telah disahkan, dengan ini saya menyedari tentang sebarang risiko yang boleh berlaku secara langsung atau tidak langsung dan tidak akan mengubah pengakuan ini sekiranya berlaku sesuatu perkara yang melibatkan perubahan jadual, kelewatan perjalanan, kehilangan harta benda, bencana alam dan sebarang kerugian. Penganjur juga mempunyai hak untuk merancang, melaksanakan atau mengubah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis bertulis.</p> <p>Nota khas: Apabila awda telah menandatangani <b>Pengakuan Peserta</b> ini, penganjur iaitu <b>KELAB PERKHIDMATAN AWAM</b> beranggapan bahawa anda telah membaca, memahami dan menerima semua syarat dan terma.</p>					
..... Tandatangan Peserta			Nama Penuh: ..... Tarikh:		
<b>BUTIR PEMBAYARAN</b>					
<b>DITERIMA SEBANYAK:</b>	(Yuran Penyertaan)				
<b>DARIPADA:</b>	Nama : No KPA:				
<b>NO RESIT:</b>					
<b>NAMA PENERIMA:</b>				<b>T/Tangan Penerima:</b>	
<b>TARIKH PENERIMAAN:</b>	<b>Cop Pejabat</b>				



## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN 'OUT TO NATURE' ANJURAN KELAB PERKHIDMATAN AWAM

### OBJEKTIF KEGIATAN

Antara objektif ekspedisi berkenaan ialah :

- Sebagai salah satu kegiatan riadah dan rekreasi untuk ahli kelab serta keluarga.
- Sebagai memperluaskan lagi kegiatan rekreasi Kelab mengikut geografi dan lokasi di negeri ini.
- Sebagai mendedahkan ahli terhadap kegiatan rekreasi lasak yang memerlukan ketahanan fizikal dan mental yang kuat untuk menghadapi cabaran.
- Untuk merasakan dan menyaksikan sendiri keindahan flora dan fauna alam semulajadi yang terdapat di dalam Negara Brunei Darussalam.
- Untuk mengeratkan lagi perhubungan silaturrahim sesama ahli.

### YURAN PENYERTAAN

- Yuran dikenakan sebanyak \$10.00 setiap peserta (Ahli KPA) dan \$15.00 (Bukan Ahli).
- Yuran adalah termasuk pengangkutan darat dan air, minuman dan makan tengahari.
- Borang Penyertaan/Pendaftaran berserta dengan yuran penyertaan hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup penyertaan.
- Penyertaan adalah terhad kepada 25 orang peserta.
- Wang penyertaan tidak akan dikembalikan jika peserta menarik diri disebabkan kos yang telah ditanggung untuk urusan pentadbiran dan perhubungan dengan pihak yang terlibat. Bagaimanapun, peserta boleh mencalonkan seorang pengganti.

### KELAYAKAN PESERTA

- Umur 18 tahun ke 55 tahun.
- Minat aktiviti yang mencabar.
- Mempunyai ketahanan fizikal dan mental yang tinggi.
- Tidak mengalami sebarang penyakit yang merbahaya seperti lelah, lemah jantung, kencing manis, darah tinggi dan lain-lain penyakit.
- Tidak pernah mengalami kecederaan tulang atau sendi.
- Tidak pernah ditegah oleh Doktor untuk terlibat dalam aktiviti lasak.
- Mempunyai semangat setia kawan dan semangat kerja berpasukan.
- Berfikiran positif.